**IBU PEJABAT**
**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**
**NEGERI PULAU PINANG**
Jalan Batu Kawan,
14100 Simpang Ampat,
Seberang Perai Selatan,
**PULAU PINANG**

604-5047222
http://www.bomba.gov.my
operasi_png@bomba.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : **JBPM/PP/KOR : 100-2/6 (56)**
Tarikh : **7 JANUARI 2025**

**SENARAI EDARAN**

Tuan,

**ARAHAN PEMATUHAN ETIKA DAN TATACARA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL OLEH PEGAWAI BOMBA DAN KAKITANGAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan pihak Kerajaan amat menggalakkan penggunaan media sosial seperti aplikasi *Facebook, Instagram, Twitter, Tiktok* dan *Youtube* untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Sejajar dengan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) juga turut mengiktiraf penggunaan media sosial sebagai alat yang menyokong matlamat bagi penyampaian perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan dengan lebih berkesan

3. Dewasa ini, penggunaan media sosial dalam kalangan warga jabatan juga dilihat semakin meluas. Walau bagaimanapun, didapati bahawa terdapat akaun media sosial milik Pegawai Bomba dan kakitangan JBPM yang telah berkongsi pernyataan, komen, ulasan, gambar atau rakaman yang boleh menjejaskan imej dan kredibiliti Jabatan.

4. Sehubungan dengan itu, bersama ini dilampirkan **Surat Etika Dan Tatacara Penggunaan Media Sosial Oleh Pegawai Bomba Dan Kakitangan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia** untuk makluman dan perhatian tuan.

5. Kerjasama dari semua pihak amat dihargai dan diminta mengambil tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(PKPjB MOHAMAD SHOKI BIN HAMZAH)**
Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Pulau Pinang

**S.K :** **1.** Timbalan Pengarah

NAA/OPS/PP/JBPM/2025

**SENARAI EDARAN**

**Penolong Pengarah,**
Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Bahagian Penyiasatan kebakaran
Bahagian Latihan
Bahagian Pengurusan
Bahagian Kejuruteraan

**Ketua Zon, Zon Jalan Perak**
Ketua Balai, BBP Jalan Perak
Ketua Balai, BBP Bagan Jermal
Ketua Balai, BBP Paya Terubong
Ketua Balai, BBP Lebuh Pantai

**Ketua Zon, Zon Bayan Lepas**
Ketua Balai, BBP Bayan Baru
Ketua Balai, BBP Seri Balik Pulau
Ketua Balai, BBP Balik Pulau
Ketua Balai, BBP Teluk Bahang

**Ketua Zon, Zon Perai**
Ketua Balai, BBP Perai
Ketua Balai, BBP Bandar Perda
Ketua Balai, BBP Bukit Mertajam
Ketua Balai, BBP Penanti
Ketua Balai, BBP Sungai Bakap
Ketua Balai, BBP Nibong Tebal
Ketua Balai, BBP Batu Kawan

**Ketua Zon, Zon Butterworth**
Ketua Balai, BBP Butterworth
Ketua Balai, BBP Kepala Batas
Ketua Balai, BBP Tasek Gelugor
Ketua Balai, BBP Kuala Muda
Ketua Balai, BBP Bertam

**KETUA PENGARAH**
*Director General*
**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**
***Fire And Rescue Department of Malaysia***
Lebuh Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon: 603-88880036
Faks: 603-8888 0840
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: kp@bomba.gov.my

Ruj Tuan:
Ruj Kami : JBPM/IP/KOR: 100- 1/9 Jld. 4 (73)
Tarikh : 14 Oktober 2020

**SENARAI EDARAN**

YS Dato'/ Tuan,

**ETIKA DAN TATACARA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL OLEH PEGAWAI BOMBA DAN KAKITANGAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan pihak Kerajaan amat menggalakkan penggunaan media sosial seperti aplikasi *Facebook, Instagram, Twitter* dan *Youtub*e untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Sejajar dengan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) juga turut mengiktiraf penggunaan media sosial sebagai alat yang menyokong matlamat bagi penyampaian perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan dengan lebih berkesan

3. Dewasa ini, penggunaan media sosial dalam kalangan warga jabatan juga dilihat semakin meluas. Walau bagaimanapun, didapati bahawa terdapat akaun media sosial milik Pegawai Bomba dan kakitangan JBPM yang telah berkongsi pernyataan, komen, ulasan, gambar atau rakaman yang boleh menjejaskan imej dan kredibiliti Jabatan.

4. Justeru itu, adalah dimohon pihak YS Dato'/Tuan untuk memberi peringatan kepada semua Pegawai Bomba dan kakitangan di bawah jagaan YS Dato'/Tuan untuk mematuhi etika dan tatacara penggunaan media sosial. Pihak YS Dato'/Tuan juga dimohon untuk mengambil langkah kawalan dan pemantauan berterusan bagi memastikan kredibiliti dan kerahsiaan Jabatan sentiasa terpelihara sejajar dengan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993 [P.U.(A) 395/1993] dan Akta Rahsia Rasmi 1972.

...2/-

5. Etika dan tatacara penggunaan akaun media sosial yang perlu dipatuhi oleh Pegawai Bomba dan kakitangan Jabatan adalah seperti berikut:-

5.1 Tidak memaparkan pernyataan, komen, ulasan, gambar atau rakaman yang tidak senonoh dengan memakai pakaian seragam Jabatan ketika menjalankan tugas atau di luar waktu bertugas,

5.2 Tidak memaparkan pernyataan, komen, ulasan, gambar atau rakaman yang mengaitkan Jabatan dengan isu-isu sensitif seperti sentimen agama, politik dan perkauman serta yang berunsur fitnah atau hasutan,

5.3 Tidak memaparkan gambar atau rakaman yang boleh disalah ertikan sebagai sebarang bentuk penganiayaan terhadap binatang ketika menjalankan operasi,

5.4 Tidak memaparkan gambar atau rakaman yang boleh mendedahkan identiti mangsa tanpa kebenaran ketika melakukan operasi kebombaan dan penyelamatan,

5.5 Tidak memuat naik atau mendedahkan maklumat atau dokumen rahsia rasmi Jabatan atau Kerajaan di laman media sosial,

5.6 Tidak menyebarkan maklumat yang tidak sahih atau tiada kepastian mengenai ketulenan maklumat tersebut di laman media sosial, dan

5.7 Tidak mengaitkan Jabatan dengan kandungan foto dan/atau video dari sumber selain yang diluluskan JBPM dan sebarang isu atau perkara berbangkit yang timbul berkaitan kandungan yang dimuat naik adalah di bawah tanggungjawab pemilik akaun media sosial yang terlibat dan bukan Jabatan.

6. Pematuhan terhadap etika dan tatacara ini adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan peraturan semasa terpakai. Bersama-sama ini dilampirkan senarai peraturan dan perundangan yang berkaitan dengan penggunaan media sosial seperti di **Lampiran A** untuk rujukan dan perhatian YS Dato'/Tuan selanjutnya.

...3/-

7. Kerjasama dan perhatian serius pihak YS Dato'/Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' SRI MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)**
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

s.k.:

i. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
ii. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
iii. Ketua Unit Integriti - sila buat pemantauan kepada surat arahan ini

Lampiran A

**SENARAI PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN BERKAITAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN PEGAWAI AWAM**

1. Akta Rahsia Rasmi 1972
2. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Pindaan 2018)
3. Akta Komunikasi dan Multimedia (Rujuk Seksyen 233 (1))
4. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Rujuk Seksyen 9(1))
5. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] (Rujuk Perenggan 19)
6. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 19 November 2009 bertajuk “Penggunaan Media Sosial Sektor Awam”.
7. Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 8 April 2011 bertajuk “Amalan Terbaik Penggunaan Media Jaringan Sosial di Sektor Awam”.
8. Garis Panduan Penggunaan Perkhidmatan *Wireless Broadband Internet* dan Media Jaringan Sosial di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Ogos 2012.

**Senarai edaran Ibu Pejabat**

1. Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
2. Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
3. Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran
4. Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
5. Pengarah Bahagian Pembangunan
6. Pengarah Bahagian Latihan
7. Pengarah Bahagian Udara
8. Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat
9. Pengarah Bahagian Pengurusan
10. Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jentera
11. Ketua Unit Integriti
12. Pegawai Memerintah Pangkalan Udara Subang
13. Pegawai Memerintah Pangkalan Udara Bertam
14. Timbalan Pengarah Pengurusan (Cawangan Kewangan)
15. Timbalan Pengarah Pengurusan (Cawangan Sumber Manusia)
16. Ketua Penolong Pengarah Cawangan Pentadbiran
17. Ketua Penolong Pengarah Cawangan Teknologi Maklumat
18. Ketua Unit Pengesan

**Senarai edaran JBPM Negeri**

1. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur
2. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
3. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
4. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
5. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
6. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
7. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
8. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
9. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang

10. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
11. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
12. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
13. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
14. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
15. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Labuan
16. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya
17. Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah
18. Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur
19. Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Utara
20. Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sabah
21. Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak